

MAHATHIR-ISRAEL 2'2'2'

ALOR SETAR, 15 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGUTUK ISRAEL KERANA MEMBIARKAN PERISTIWA YANG BERLAKU DI BAITUL MQADIS KELMARIN BILA SEORANG YAHUDI MENCEROBOH KE MASJID AL-AQSA DAN MEMBUNUH ORANG-ORANG ISLAM DALAM MASJID ITU.

SAMBIL MENYATAKAN KESALNYA TERHADAP PERBUATAN YANG TERHINA ITU, PERDANA-MENTERI MENEGASKAN IA MENUNJUKKAN SIKAP KERAJAAN ISRAEL YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP MASJID TERSEBUT YANG TERLETAK DALAM KAWASAN MEREKA.

+SEBAGAI SEBUAH KERAJAAN, ISRAEL PATUT MEMBERI PERLINDUNGAN KEPADA ORANG-ORANG ISLAM DI RUMAH SUCI ITU,+ TEGASNYA SEMASA MELANCARKAN PROJEK PERUMAHAN LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI (LUTH) DI BUKIT TINGGI, KIRA-KIRA 14 KILOMETER DARI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ISRAEL, SEBAGAI SEBUAH NEGAWA YANG MENJAJAH KAWASAN ITU PATUT MENGHALANG PERBUATAN TERKUTUK ITU TETAPI MEREKA GAGAL MELINDUNG KESELAMATAN UNIT ISLAM YANG TINGGAL DI TEBING BARAT ISRAEL.

-- BERSAMBUNG 1520/SZ

MAHATHIR-ISRAEL 2 ALOR STAR

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA MENGISYTIHARKAN HARI INI SEBAGAI HARI PERPADUAN PALESTIN UNTUK MENUNJUKKAN PERPADUAN RAKYAT NEGARA INI DENGAN PERJUANGAN RAKYAT PALESTIN.

KATANYA, PEJABAT-PEJABAT DITUTUP HARI INI UNTUK MEMBUKTIKAN SIMPATI KERAJAAN MALAYSIA DENGAN PERJUANGAN UMAT ISLAM DALAM MEMBEBAS BAITUL MAQDIS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PIHAKNYA MENERIMA PERUTUSAN DARI AMIR ARAB SAUDI PERLUNYA DITUNJUKKAN PERPADUAN UMAT ISLAM ITU TETAPI OLEH SEBAB TERLAMBAT MENERIMANYA, PEJABAT TERPAKSA DITUTUP SEHARI LEBIH LEWAT DARI YANG DIBUAT OLEH ARAB SAUDI DAN NEGARA TELUK.

+ SUNGGUHPUN ORANG ISLAM DI BAITUL MQADIS TINGGAL JAUH DARI NEGARA INI, TETAPI KITA PERLU MENUNJUKKAN KEPADA ISRAEL BAHAWA NASIB ORANG PALESTIN ADALAH NASIB KITA JUGA DAN DERITA MEREKA ADALAH PENDERITAAN KITA. +

BELIAU MEMBERI JAMINAN MALAYSIA AKAN MEMAINKAN PERANAN PENTING MENGUTUK KERAJAAN ISRAEL YANG MEMBENARKAN PERBUATAN TERHINA BERLAKU DI MASJIDIL AKSA.--BERSAMBUNG 1525/HM

B568

MAHATHIR-ISRAEL 3 ALOR SETAR

KATANYA, WAKIL MALAYSIA DI BANGSA-BANGSA BERSATU AKAN MENYERTAI PERBAHASAN DAN MEMBANTU DALAM USAHA MENOLONG RAKYAT PALESTIN DAN UMAT ISLAM LAIN BAGI MENEBUS KEMBALI HAK MEREKA AKAN MASJID AQSA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN MALAYSIA BOLEH MENJALANKAN TINDAKAN LEBIH BERKESAN DARIPADA HANYA MENUTUP PEJABAT JIKA RAKYATNYA LEBIH BERSATUPADU.

+ TETAPI MALANGNYA KITA MASIH LEMAH DAN ADA PULA PERBUATAN YANG SENGAJA MEMECAHBELAHKAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI, + TEGASNYA.

PERDANA MENTERI LALU MENGULANGI PERLUNYA RAKYAT BERPEGANG KEPADA AJARAN ALQURAN YANG MENGHENDAKI UMAT ISLAM SUPAYA JANGAN BERPECAHBELAH.

KATANYA KERAJAAN SENTIASA MENINGKATKAN KEMAHIRAN DAN KEMAMPUAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI UNTUK MEMBUKTIKAN KEPADA DUNIA MEREKA SATU KUASA YANG KUAT.--BERSAMBUNG 1530/HM

B569

MAHATHIR-ISRAEL 4 ALOR SETAR

MENGENAI PROJEK PERUMAHAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA IA MERUPAKAN PROJEK KEDUA DALAM RANCANGAN KERAJAAN UNTUK MEMBANDARKAN KAMPUNG YANG MEMBERIKAN SEGALA KEMUDAHAN.

BELIAU YAKIN PENDUDUK YANG TINGGAL DI KAWASAN SEUMPAMA ITU AKAN DAPAT MENIKMATI HIDUP DALAM KEADAAN LEBIH SELESA SELARAS DENGAN HASRAT KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN TARAF HIDUP RAKYAT.

SEBANYAK 500 UNIT RUMAH AKAN DIBINA DI KAWASAN PERUMAHAN ITU YANG MERUPAKAN PROJEK PERUMAHAN PERTAMA YANG DIJALANKAN OLEH LUTH.--BERNAMA 1532/HM